



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERKENAAN

SIMPOSIUM TAHFIZ AL-QURAN ANTARABANGSA
BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS DARUL QURAN

BERTEMPAT DI DEWAN DATUK MOHD SHAHIR,
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) BANGI
PADA 22 – 24 NOVEMBER 2016

Buat julung kalinya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan menganjurkan **Simposium Tahfiz Al-Quran Antarabangsa bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor**. Simposium pada kali ini diadakan bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Darul Quran Jakim yang telah ditubuhkan sejak 1 Mac 1966.

2. **Simposium Tahfiz Al-Quran Antarabangsa** akan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
3. Penganjuran simposium pada kali ini adalah kerjasama bersama beberapa antara agensi iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), *Centre of Quranic Research*, Universiti Malaya dan Yayasan Taqwa.
4. Penganjuran simposium ini seiring dengan strategi transformasi penampilan identiti dan imej korporat Darul Quran Jakim (DQ) sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz yang terulung dalam negara dan merupakan antara langkah dalam memperkasa DQ sebagai institusi tahfiz milik kerajaan persekutuan. Selari dengan hasrat dan matlamat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang memartabatkan al-Quran. Agenda

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

pemeriksaan ini memberi nilai yang besar terhadap perkembangan syiar Islam di Malaysia serta menunjukkan komitmen serta kesungguhan kerajaan memacu kemajuan ummah.

5. Penubuhan DQ sebagai institusi pendidikan tahfiz kerajaan peringkat pengajian tinggi sejak 50 tahun yang lalu (sejak 1966) merupakan suatu usaha kerajaan dalam mengembangkan pendidikan al-Quran dalam negara. Kewujudan DQ juga telah merangsang pelbagai institusi-institusi tahfiz kerajaan ditubuhkan seperti MRSM Ulul Albab (MARA), Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sebagainya. Bukan setakat itu sahaja, malah kerajaan turut memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan lagi institusi tahfiz dalam negara.

6. Semenjak penubuhannya, DQ telah mempunyai graduan seramai:

i. Program Diploma (kampus DQ)	-	2,899 orang
Program Diploma (14 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri)	-	2,060 orang
ii. Program Pensijilan Jakim-UIAM (kampus DQ)	-	1,416 orang
Program Pensijilan Jakim-UNITEN (kampus UNITEN Bangi)	-	76 orang
iii. Program Pensijilan OKUMP (OKU Masalah Penglihatan)	-	48 orang

7. Beberapa perancangan dan strategi telah disusun ke arah memperkasa DQ sebagai hub pendidikan tinggi tahfiz negara dan sebanyak 10 dimensi telah ditetapkan dalam rangka pemeraksanaan DQ iaitu:

- i. Pemeraksanaan pengurusan pendidikan;
- ii. Peningkatan pengupayaan modal insan institusi tahfiz;
- iii. Pemeraksanaan program pengajian;
- iv. Pembudayaan penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan al-Quran;
- v. Pemeraksanaan fungsi DQ sebagai pusat kecemerlangan pendidikan al-Quran di Malaysia;
- vi. Pengwujudan dan pemantapan jaringan kerjasama strategik di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa dalam pembangunan pendidikan al-Quran;
- vii. Pemeraksanaan pentadbiran prasarana keceriaan;

- viii. Penampilan identiti dan imej korporat DQ;
 - ix. Pemeraksanaan kebolehpasaran pelajar; dan
 - x. DQ sebagai pusat rujukan masyarakat dalam pendidikan al-Quran.
8. Seramai **300** orang peserta terdiri daripada Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri, pensyarah-pensyarah instituti pendidikan al-Quran serta pegawai-pegawai yang berlatar-belakangkan pendidikan tahfiz akan berkampung selama 3 hari di sepanjang simposium ini berlangsung. Mereka akan berkongsi pengalaman dengan tokoh-tokoh ilmuan al-Quran seluruh negara bukan sahaja dari Malaysia malah negara-negara lain seperti Algeria, Nigeria, Yaman, Mesir, Palestin, Turki, Jordan, Syria yang akan membentangkan kertas kerja berkaitan isu-isu pendidikan tahfiz al-Quran.
9. Di antara objektif diadakan Simposium Tahfiz Al-Quran Antarabangsa ini adalah:
- i. Mewujudkan perkongsian pengalaman dan pandangan berkenaan pengendalian dan pengurusan pendidikan tahfiz demi kecemerlangan *huffaz*;
 - ii. Mencetuskan dapatan baru daripada kalangan pakar dalam bidang tahfiz al-Quran dari pelbagai negara;
 - iii. Meluaskan jalinan ukhuwwah dan hubungan strategik antara institusi tahfiz dalam dan luar negara dengan menyediakan ruang perbincangan berkaitan isu-isu global pendidikan tahfiz melalui sesi pertemuan para huffaz yang dinamakan sebagai *Ihtifal Huffaz 'Alamiyyah*; dan
 - iv. Menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tahfiz negara yang bertanggungjawab memberi pengiktirafan kepada penghafaz al-Quran dan institusi tahfiz al-Quran.
10. Berhubung sesi pembentangan kertas kerja bagi Simposium Tahfiz Al-Quran Antarabangsa, sebanyak sembilan belas (19) kertas kerja pakar akan dibentangkan dengan empat (4) tema yang dipilih iaitu:
- i. Metod Pendidikan Tahfiz al-Quran
 - ii. Metod Pengukuhan Hafazan al-Quran
 - iii. Inovasi Pendidikan Tahfiz
 - iv. Pembangunan Pendidikan Tahfiz al-Quran

Manakala 2 tema telah dipilih bagi pembentangan selari (*parallel session*) yang akan diadakan pada 22 November 2016 ialah:

- i. Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pendidikan Tahfiz al-Quran
- ii. Metod Pengukuhan Hafazan al-Quran

11. Pemilihan tajuk kertas kerja yang akan dibentangkan adalah bertepatan dengan senario pendidikan tahfiz yang berlaku di negara-negara tersebut. Ini merupakan satu perkongsian yang sangat bernilai kerana kita mendapat sumber rujukan dan pengalaman secara terus daripada para pembentang dan ini akan membantu mempercepatkan lagi proses perkembangan institusi pendidikan tahfiz negara.

12. Bersempena dengan Simposium Tahfiz Al-Quran Antarabangsa kali ini, DQ turut akan menyampaikan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) Tahun 2015 kepada penerima-penerima pangkat Mumtaz yang berjumlah seramai 33 orang. Sijil Tahfiz Malaysia (STM) merupakan suatu bentuk ujian terbuka bagi memperakukan status hafazan al-Quran dalam kalangan para huffaz yang diperkenalkan bertujuan untuk mengiktiraf individu-individu yang menghafaz 30 juzu' al-Quran serta tidak memperolehi pengiktirafan dari mana-mana institusi. STM diterima pakai ketika ini sebagai salah satu **dokumen sokongan** bagi permohonan Guru Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh Jakim. Sejak diperkenalkan pada tahun 2011, pemegang Sijil Tahfiz Malaysia (STM) kini telah berjumlah 468 orang.

Sekian

TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
23 November 2016